

SULIT

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 7 TAHUN 2021**

**TARIKH : 20 OGOS 2021 (JUMAAT)**  
**MASA : 9.00 PAGI**  
**TEMPAT : PEJABAT/KEDIAMAN MASING-MASING,  
(MESYUARAT SECARA DALAM TALIAN)**

**HADIR**

- |     |  |   |             |
|-----|--|---|-------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim,<br><i>D.I.M.P</i><br>(Yang Dipertua)  | - | Pengerusi   |
| 2.  | Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin<br>Tengku Harun, <i>D.S.I.S., A.M.S., P.J.K.</i><br>Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya<br>Orang Besar Daerah Kuala Langat | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Cik Ang Lee Yong   | - | Ahli Majlis |
| 4.  | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman   | - | Ahli Majlis |
| 5.  | Encik Mohd Safiee bin Harun  | - | Ahli Majlis |
| 6.  | Encik Wong Kim Loon  | - | Ahli Majlis |
| 7.  | Encik Nadasan a/l Subramani  | - | Ahli Majlis |
| 8.  | Encik Gan Yee Chin   | - | Ahli Majlis |
| 9.  | Encik Lim Tou Yih  | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Razali bin Ahmad   | - | Ahli Majlis |
| 11. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid  | - | Ahli Majlis |
| 12. | Puan Rahimah binti Harun   | - | Ahli Majlis |
| 13. | Encik Yong Keh Chyn  | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Abu Bakar bin Mohamad  | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Naharanuar bin Ayob  | - | Ahli Majlis |
| 16. | Puan Rogayah binti Ibrahim   | - | Ahli Majlis |
| 17. | Encik Norazmi bin Mohamed Tahir  | - | Ahli Majlis |
| 18. | Encik Lim Lip Suan   | - | Ahli Majlis |
| 19. | YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan,<br><i>D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.</i>  | - | Ahli Majlis |

20.	Encik Tan Wee King	-	Ahli Majlis
21.	Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy	-	Ahli Majlis
22.	Encik Panalsalwa a/l R Kuppan	-	Ahli Majlis
23.	Encik Zulkipli bin Said	-	Ahli Majlis
24.	Encik Abd Razak bin Ramli	-	Ahli Majlis
25.	TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.</i>	-	Penolong Setiausaha

#### **TURUT HADIR**

1.	Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i>	-	Pengarah Jabatan Kejuruteraan
2.	Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i>	-	Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
3.	Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap	-	Pengarah Jabatan Landskap
4.	Puan Lisawati binti Abd. Karim	-	Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5.	Encik Syamsol Herwan bin Ahmad	-	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
6.	Puan Nordila binti Yasir	-	Pengarah Jabatan Pelesenan
7.	Puan Norain binti Mohamed	-	Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
8.	Puan Hashila binti Hamzah	-	Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
9.	Puan Norashidah binti Rosli, <i>P.P.T.</i>	-	Wakil Pengarah Jabatan Perbendaharaan
10.	Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin	-	Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
11.	Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim	-	Ketua Unit Pusat Setempat
12.	YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai Subaramaniam	-	Ketua Unit Audit Dalam

13. Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, - Ketua Unit Perundangan  
*P.P.T.*
14. Encik Mohd Shauki bin Jamaludin - Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
15. Encik Wan Putara Noor Shaham bin Ngadirin - Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra
16. Encik Abdul Mutualib bin Mohd Yunus - Wakil Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan

**TURUT HADIR**

1. YB. Tuan Lau Weng San - ADUN Kawasan Banting

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Encik Haridass a/l Ramasamy - Ahli Majlis

**URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

1. Puan Nur Hazlynda binti Sahimi - Pembantu Setiausaha Pejabat
2. Puan Rosmawati binti Othman - Pembantu Setiausaha Pejabat

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	<b>UCAPAN PENGERUSI</b>		
	<p>Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan doa bagi ahli mesyuarat yang beragama Islam.</p> <p>Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, Ahli-Ahli Majlis, Penolong Setiausaha, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini.</p> <p>Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara berikut:</p>		
	1.1	Tarikh 9 September 2021 adalah ulang tahun pertama Majlis Perbandaran Kuala Langat. Oleh itu, mesyuarat pada hari ini akan membentangkan satu kertas mesyuarat mengenai sambutan ulang tahun pertama MPKL ini dimana terdapat beberapa insentif dan inisiatif yang bakal dinikmati oleh penduduk daerah Kuala Langat.	<b>Makluman</b>
	1.2	Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara telah memutuskan untuk membenarkan beberapa aktiviti dibuka kepada individu yang telah lengkap 2 dos suntikan vaksin di negeri Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara mulai 20 Ogos 2021. Namun, kerjasama semua Ahli Majlis diperlukan untuk bersama-sama mengingatkan penduduk di kawasan masing-masing supaya tidak leka dengan kelonggaran yang diberikan dan perlu patuh kepada SOP yang telah ditetapkan.	<b>Makluman</b>
2.0	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</b>		
	2.1	<b>MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 6 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 JULAI 2021</b>	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Tan Wee King dan disokong oleh Encik Wong Kim Loon tanpa pindaan.	<b>Makluman</b>

3.0	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>		
	- TIADA -		
4.0	<b>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :</b>		
	4.1	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BILANGAN 2 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 JULAI 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	4.2	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 7 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 5 OGOS 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	4.2.1	<p><b><u>Perkara 4.1.4 (m.s. 5)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan alat permainan seperti buaian kerap mengalami kerosakan akibat perbuatan vandalisme. Oleh itu, beliau mencadangkan alat permainan yang rosak digantikan dengan <i>sit-up bench</i> atau alat-alat kecergasan lain yang bersesuaian.</p>	JL
	4.2.2	<p><b><u>Perkara 4.2.2 (m.s. 6)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin meminta JL mengarahkan pemilik lot tanah kosong di bahagian tepi dan hadapan Taman Merpati supaya membersihkan kawasan mereka kerana rumput dari lot tanah kosong tersebut telah menjalar dan menutup lorong belakang serta merosakkan longkang.</p> <p>Selain itu, terdapat pokok-pokok yang tinggi di lot tanah kosong tersebut yang boleh mendatangkan bahaya apabila ia tumbang menghala ke taman perumahan</p>	JL

		tersebut terutama di Jalan Merpati 27 dan Jalan Merpati 29.	
	4.3	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 7 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 OGOS 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	4.4	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 7 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 OGOS 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	4.4.1	<p><b><u>Perkara 5.1.1 (m.s. 10)</u></b></p> <p>i. Cik Ang Lee Yong ingin tahu sama ada pihak Majlis ada memberikan sumbangan bakul makanan kepada kakitangan yang didapati positif COVID-19. Selain itu, beliau ingin tahu sama ada rumah kakitangan tersebut disanitasi oleh pihak Majlis.</p> <p><i>Pengarah JKPM memaklumkan Kelab Sukan dan Kebajikan MPKL ada menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada kakitangan yang dikuarantin di rumah akibat COVID-19. Di samping itu, pihak Majlis juga melakukan sanitasi.</i></p> <p>ii. Cik Ang Lee Yong ingin tahu sama ada pihak Majlis ada menerima sumbangan bakul makanan daripada MBI.</p> <p>Puan Nor Aishah menyatakan beliau mendapat maklumat bahawa Majlis Perbandaran Sepang telah menerima sumbangan bakul makanan dalam bentuk baucer daripada MBI untuk diedarkan oleh Ahli Majlis kepada penduduk yang terjejas.</p> <p><i>Pengarah JKPM memaklumkan belum menerima sebarang bantuan bakul makanan daripada MBI</i></p>	<b>Makluman</b>

		<i>dan akan menyemak perkara ini dengan pihak MBI.</i>	
	4.4.2	<p><b><u>Perkara 5.1.2</u></b></p> <p>Encik Naharanuar memohon perkara ini diberi keutamaan untuk dibincangkan.</p> <p><i>Pengarah JKPM memaklumkan akan mengaturkan satu mesyuarat melibatkan pihak persatuan bagi pengurusan jenazah bukan Islam selepas tamat Sidang Dewan Negeri Selangor.</i></p>	<b>Makluman</b>
	4.5	<p><b>MESYUARAT KEMASYARAKATAN BILANGAN 7 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 OGOS 2021.</b></p>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	4.5.1	Pembetulan pada Perkara 5.2.1 iaitu <u>Encik Haridass a/l Ramasamy dipinda kepada Encik Tan Wee King.</u>	
	4.5.2	<p><b><u>Perkara 4.1.1 (m.s. 3)</u></b></p> <p>Encik Wong Kim Loon meminta Laporan Aktiviti Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dijadikan sebagai lampiran supaya semua Ahli Majlis dapat mengetahui prestasi perbelanjaan peruntukan masing-masing.</p> <p><i>Pihak urus setia mengambil perhatian terhadap perkara ini.</i></p>	<b>Makluman</b>
	4.5.3	<p>Encik Naharanuar memaklumkan masih belum menerima senarai kedai PLB daripada PDTKL.</p> <p><i>Pengarah JPPH memaklumkan akan membentangkan senarai dewan dan balai raya yang sedang dalam proses pewartaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan yang akan datang.</i></p>	<b>Makluman</b>
	4.5.4	Cik Ang Lee Yong membangkitkan mengenai kedai-kedai di Jalan Sultan Abdul Samad yang mempunyai tong sampah tetapi diletakkan berhampiran taman	

		<p>perumahan seperti yang berlaku di Taman Sari. Ini menyebabkan tong sampah tersebut menjadi tempat pembuangan sampah haram. Oleh itu, beliau mencadangkan JPSPKP mengeluarkan satu notis kepada semua peniaga di situ supaya meletakkan tong sampah mereka di hadapan atau di lorong belakang kedai tersebut.</p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan akan mengeluarkan notis kepada peniaga tersebut.</i></p>	JPSPKP
	4.6	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 7 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 OGOS 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.7	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 7 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 OGOS 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	4.7.1	<p><b><u>Perkara 5.8.1 (m.s. 13)</u></b></p> <p>Encik S. Nadasan memohon tambahan catatan iaitu <u>bil air dan elektrik di Pusat Penilaian COVID-19 (CAC)</u> <u>Bandar Sungai Emas ditanggung sepenuhnya oleh beliau</u> <u>dan Y.B. Tuan Lau Weng San, ADUN Kawasan Banting.</u></p>	Makluman
	4.7.2	<p><b><u>Perkara 5.5.1 (m.s. 12)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu sama ada JPSPKP boleh mencabut pondok telefon awam yang terbiar dan meminta pihak KDEB membuangnya seperti sampah pukal.</p> <p><i>Mesyuarat dimaklumkan pihak Majlis ada berhubung pihak PERNEC tetapi tiada maklumbalas daripada pihak tersebut. Namun pihak Majlis akan menulis surat rasmi kepada PERNEC untuk mengambil tindakan dan sekiranya masih tiada tindakan, pihak Majlis akan</i></p>	Makluman

		<i>membersihkan pondok telefon awam tersebut dan kos pembersihan akan dikemukakan kepada pihak PERNEC.</i>	
	4.7.3	<p><b><u>Perkara 4.1.2 Lampiran C (m.s. 5)</u></b></p> <p>Encik Yong Keh Chyn ingin tahu tempoh data rakaman CCTV dapat disimpan dan kualiti imej yang dirakam.</p> <p><i>Mesyuarat dimaklumkan terdapat dua lokasi penyimpanan data rakaman iaitu di kamera dan di pusat kawalan (command centre). Tempoh penyimpanan data rakaman di kamera adalah selama dua minggu sahaja. Manakala di pusat kawalan, rakaman akan disimpan setiap hari bergantung kepada kapasiti hard disk yang digunakan iaitu 1 terabyte. Kualiti imej rakaman adalah baik apabila dilihat secara langsung. Namun kualiti gambar akan kabur apabila objek berada di kedudukan jauh.</i></p>	<b>Makluman</b>
	4.8	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 7 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17 OGOS 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
5.0	<b>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>		
	5.1	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 13 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 JULAI 2021.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>
	5.2	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 14 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 JULAI 2021</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>

<b>6.0</b>	<b>PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b>	
	<p><b>6.1 CADANGAN PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT DI KOTA SERI LANGAT.</b></p> <p>Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah JKB untuk makluman semua ahli mesyuarat seperti di <b>Lampiran A</b>.</p> <p><u>Sesi soal jawab</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Lim Tou Yih menyatakan Fasa 1 hingga Fasa 4 mengambil masa yang lama iaitu 6 tahun. Oleh itu, beliau mencadangkan tempoh tersebut dipendekkan kepada 3 tahun kerana terdapat fasa yang boleh dilakukan serentak.</li> </ol> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Pihak Majlis mempunyai perancangan untuk memindahkan beberapa jabatan ke bangunan lama PDTKL di Telok Datok yang dijangkakan pada tahun 2022. Pihak Majlis menjangkakan penggunaan bangunan tersebut adalah dalam tempoh 5 tahun dan perpindahan ke bangunan baharu dijangka mengambil masa 6 atau 7 tahun akan datang.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>2. Encik Tan Wee King mencadangkan penggunaan rangkaian telekomunikasi dan internet yang mempunyai capaian yang baik untuk bangunan baharu ini.</li> </ol> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Cadangan pembinaan akan mengambil kira penyediaan kemudahan teknologi terkini dan kajian menyeluruh akan dilaksanakan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3. Encik S. Nadasan ingin tahu jarak ke bangunan baharu daripada jalan masuk melalui Jalan Klang-Banting dan daripada jalan masuk melalui <i>Mahkota Industrial Park</i>.</li> </ol> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Jarak ke bangunan baharu MPKL daripada jalan masuk melalui Pasaraya Giant adalah lebih</p>	<b>JKB</b>

		<p>kurang 4 kilometer. Manakala jarak daripada jalan masuk melalui <i>Mahkota Industrial Park</i> adalah lebih kurang 1 kilometer.</p> <p>4. Cik Ang Lee Yong ingin tahu kos penyelenggaraan bangunan pejabat MPKL yang sedia ada dan perancangan MPKL terhadap bangunan pejabat lama ini apabila bangunan baharu telah siap.</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>4.1 Pengarah JPPH memaklumkan dari segi kerja-kerja pembersihan pejabat, kos yang terlibat adalah lebih kurang RM 13,000.00 sebulan.</p> <p>Wakil Pengarah JP memaklumkan kos penyelenggaraan bangunan sedia ada bagi tahun 2021 ini adalah dianggarkan sebanyak RM 6 juta melibatkan penyelenggaraan infrastruktur, landskap dan lain-lain. Pihak Majlis akan mengenal pasti kos sebenar yang terlibat dan akan dibajetkan untuk tahun-tahun yang akan datang.</p> <p>4.2 YBhg. Dato' Pengurus memaklumkan pihak Majlis bercadang untuk menjadikan bangunan MPKL yang sedia ada sekarang sebagai pusat konvensyen pada masa akan datang memandangkan daerah Kuala Langat belum mempunyai sebuah pusat konvensyen.</p> <p>5. Puan Rogayah ingin tahu kos keseluruhan pembinaan yang terlibat.</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Pada masa ini kos sebenar masih belum dapat dipastikan memandangkan kajian-kajian perlu dilakukan terlebih dahulu oleh juruperunding yang akan dilantik.</p> <p>6. Encik Naharanuar ingin tahu bangunan baharu ini akan mempunyai berapa tingkat. Beliau mencadangkan tingkat bawah bangunan dijadikan lot-lot kedai yang boleh disewakan</p>
--	--	---

	<p>untuk menambah hasil Majlis.</p> <p>Selain itu, beliau ingin tahu kesan pembangunan pejabat baharu ini terhadap persekitaran seperti adanya franchais makanan dan minuman terkenal.</p> <p>Beliau ingin tahu sama ada terdapat perancangan pembangunan melibatkan padang bola sepak, kawasan rekreasi dan lain-lain kemudahan sukan dalam satu kawasan yang boleh disewakan untuk menambahkan hasil Majlis.</p> <p><b><u>Jawapan</u></b></p> <p>6.1 YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan lot-lot kedai tidak sesuai disediakan di bahagian bawah bangunan MPKL memandangkan keluasan tanah hanya 10 ekar dan jumlah ketinggian bangunan juga belum diputuskan. Pihak Majlis juga bercadang untuk menggunakan sejumlah keluasan kawasan rekreasi bersebelahan sebagai tapak parkir pelawat.</p> <p>Selain itu, operasi kedai ini dijangka akan mengganggu operasi Majlis dan menimbulkan suasana kelam-kabut di persekitaran bangunan MPKL.</p> <p>Pada masa yang sama, pihak Majlis bercadang untuk menyediakan kiosk bagi kemudahan pengunjung taman rekreasi. Selain itu, terminal pengangkutan awam yang terletak bersebelahan dengan bangunan MPKL akan dilengkapi dengan kedai-kedai yang boleh disewa.</p> <p>6.2 Pihak Majlis akan berbincang dengan pihak PNB Development dan percaya bahawa pihak PNB Development mempunyai perancangan dan plot-plot komersil yang menarik dalam menarik kemasukan franchais makanan dan minuman terkenal ini.</p> <p>6.3 Satu kompleks sukan akan dibina di dalam kawasan Kota Seri Langat iaitu</p>	
--	---	--

		<p>bersebelahan dengan Kampung Sungai Sedu dan terletak di jalan utama. Kompleks sukan ini yang terletak di atas tapak berkeluasan 25 ekar akan merangkumi stadium, pusat akuatik dan lain-lain. Ini merupakan satu kawasan yang sesuai dan pembangunan-pembangunan ini akan menjadikan Kota Seri Langat sebagai pusat pentadbiran daerah Kuala Langat.</p> <p>7. Encik Wong Kim Loon menyatakan cadangan bangunan baharu ini adalah bagus dan berada di kedudukan yang sesuai. Beliau bersetuju dengan cadangan Encik Naharanuar supaya pihak Majlis menyediakan lot-lot kedai yang boleh disewakan kepada agensi kerajaan yang akan memudahkan orang awam berurus di satu tempat sahaja.</p> <p>Beliau juga ingin tahu tempoh bangunan baharu ini akan digunakan dan kajian perlu dilakukan untuk mengelakkan tapak bangunan menjadi mendap.</p> <p>Selain itu, beliau ingin tahu pelantikan juruperunding akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri atau pihak Majlis. Sebelum ini pelantikan juruperunding dan kontraktor dilakukan oleh Kerajaan Negeri menyebabkan mereka tidak menghormati pihak Majlis dalam mesyuarat yang diadakan sebelum ini.</p> <p><b><u>Jawapan</u></b></p> <p>7.1 Kajian konsep dan rekabentuk bangunan akan merangkumi keperluan bangunan yang akan dibina kemudian. Manakala kajian tanah akan dilakukan pada Fasa 1 di peringkat awalan untuk kaedah-kaedah rawatan tanah. Proses ini memerlukan masa yang lama untuk memastikan tapak berada dalam keadaan terawat sebelum kerja-kerja pembinaan.</p> <p><i>Pengarah JK memaklumkan mengenai kajian dan rawatan tanah yang dilakukan terhadap Bangunan PDTKL dan Mahkamah Syariah mengambil masa dua tahun dengan</i></p>
--	--	---

		<p><i>kos sebanyak RM 6 juta.</i></p> <p>7.2 Pelantikan juruperunding dan kontraktor tertakluk kepada arahan kerajaan dan Arahan Perbendaharaan dari semasa ke semasa.</p> <p>8. Cik Ang Lee Yong memaklumkan tapak bangunan baharu di hadapan pejabat MPKL sedia ada mencacatkan pandangan.</p> <p>9. Encik Gan Yee Chin mencadangkan beberapa Ahli Majlis dimasukkan dalam senarai Ahli Jawatankuasa Projek seperti sebelum ini.</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>Pihak Majlis akan mempertimbangkan cadangan ini.</p> <p>10. Encik Naharanuar mencadangkan taman rekreasi tersebut dijadikan satu mercu tanda. Selain itu, beliau ingin tahu sama ada pembinaan bangunan baharu ini akan berjalan serentak dengan cadangan pembinaan terminal pengangkutan.</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>10.1 Pihak PNB Development atau Seriemas Development akan mengemukakan cadangan pelan landskap bagi pembangunan kawasan Kota Seri Langat. Oleh itu, Jabatan Landskap akan meletakkan syarat-syarat yang bersesuaian.</p> <p>10.2 Pembinaan terminal pengangkutan akan melihat kepada faktor kewangan dan keperluan pada masa akan datang.</p>	
	6.2	<p><b><u>ADDENDUM NO. 1</u></b></p> <p><b>KERTAS CADANGAN PENGANJURAN SAMBUTAN ULANG TAHUN PERTAMA PENGISYIHARAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT.</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat pada hari ini.</p>	JKPM

		<p><u>Butir-butir program</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Butir-butir program dan anggaran perbelanjaan adalah seperti di <b>Lampiran B</b>.</li> </ol> <p><u>Ulasan ahli mesyuarat</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Puan Rogayah mencadangkan Majlis Bacaan Surah Yassin dan Doa Selamat dibuka kepada Ahli Majlis.</li> <li>2. Encik Naharanuar mencadangkan Majlis Bacaan Surah Yassin dan Doa Selamat ini diperluaskan kepada YAB Dato' Menteri Besar untuk turut serta.</li> <li>3. YBhg. Dato' Pengurus meminta Persembahan Lagu Patriotik dan Tradisional Oleh Artis-Artis Tempatan dapat ditukar kepada artis-artis dalam kalangan kakitangan MPKL dan menggunakan kumpulan muzik MPKL untuk menjimatkan kos.</li> </ol> <p>Selain itu, YBhg. Dato' Pengurus meminta penyertaan untuk <i>Virtual Run</i> dapat dikurangkan kepada 500 orang.</p> <p><b>KEPUTUSAN MESYUARAT</b></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini dengan mengambil kira ulasan seperti di atas.</p>	
7.0	<b>UCAPAN PENANGGUHAN</b>		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Norazmi bin Mohamed Tahir.		
	7.1	Beliau mengucapkan selamat sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, Penolong Setiausaha, Ketua-ketua Whip, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan. Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini.	<b>Makluman</b>
	7.2	Beliau menyatakan setelah Majlis Daerah Kuala Langat dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat terdapat beberapa aspek yang boleh dibaiki dari segi	<b>Makluman</b>

		sistem pentadbiran seperti melakukan pemantauan dengan lebih ketat. Ia melibatkan jadual pembersihan bagi kerja-kerja pemotongan rumput, pembersihan longkang dan kutipan sampah.	
	7.3	Media sosial merupakan satu platform yang banyak digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat dalam menyampaikan aduan. Beliau menekankan bahawa semua aduan perlu diambil tindakan dan diselesaikan dengan secepat mungkin.	<b>Makluman</b>
	7.4	<p>Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis menyediakan satu tapak pengumpulan hasil industri kecil dan sederhana (IKS) di kawasan Bandar Banting. Daerah Kuala Langat adalah satu kawasan yang terkenal dengan penghasilan makanan ringan seperti kerepek dan lain-lain produk makanan.</p> <p>Beliau berpendapat tapak Bazar Banting boleh diperluas dan dinaiktaraf untuk dijadikan tempat jualan hasil IKS.</p>	<b>Makluman</b>
	7.5	<p>Beliau mencadangkan supaya Bukit Jugra dijadikan sebagai lokasi aktiviti lasak dimana acara tahunan boleh dilakukan di situ. Ketika ini Bukit Jugra terkenal dengan aktiviti paragliding. Oleh itu, beliau bercadang untuk bekerjasama dengan JKPM bagi menganjurkan acara triathlon di situ pada masa akan datang seperti berlari/mendaki Bukit Jugra dan turun dengan menyeberangi sungai di Pulau Carey dan terus ke Amverton Cove dengan berkayak.</p> <p>Mungkin ia boleh dimasukkan dalam kalender aktiviti/sukan tahunan daerah Kuala Langat.</p>	<b>Makluman</b>
	7.6	Sebelum mengakhiri ucapan, beliau mengucapkan Salam Maal Hijrah dan Selamat Hari Kemerdekaan Ke-64 kepada semua ahli mesyuarat.	<b>Makluman</b>

8.0		<b>UCAPAN PENUTUP OLEH PENGERUSI</b>	
		<p>Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Encik Norazmi di atas ucapan penangguhan yang diberikan. Beliau berharap Pengarah-pengarah Jabatan akan mengambil perhatian atas pandangan dan cadangan yang disampaikan. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.</p>	<b>Makluman</b>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.55 pagi.

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

*Tarikh siap : 23/8/2021*

Disemak oleh :

.....  
  
**(TPr HAJI ARPAAI BIN HAJI SANAT, A.M.S., P.P.T., P.K.T.)**  
 Penolong Setiausaha,  
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....  
  
**(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)**  
 Yang Dipertua,  
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon  
 dan disokong oleh Encik Razali b. Ahmad tanpa pindaan.

**PETUNJUK :**

1. JKP	-	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP	-	JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH	-	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL	-	JABATAN PELESENAN
5. JPP	-	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK	-	JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB	-	JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL	-	JABATAN LANDSKAP
9. JKPM	-	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK	-	JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP	-	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM	-	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU	-	UNIT PERUNDANGAN
14. UAD	-	UNIT AUDIT DALAM
15. OSC	-	UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB	-	UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB	-	UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN
18. BSP	-	PEJABAT CAWANGAN BANDAR SAUJANA PUTRA

*rosmawati/mesyuarat mpkl 7/2021*

LAMPIRAN EA



# CADANGAN PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU MPKL KOTA SERI LANGAT


## Perlantikan Ahli Jawatankuasa Projek

<b>Pengerusi : Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat</b>	
<b>Timbalan Pengerusi : Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat</b>	
<b>Ahli Jawatankuasa Utama</b>	
Jabatan / Unit	Tugas
Jabatan Kawalan Bangunan	Urus setia & reka bentuk konsep
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	Pemilikan tanah
Jabatan Khidmat Pengurusan	Keperluan ruang
Jabatan Perbendaharaan	Penilaian Kewangan
Jabatan Perancangan Pembangunan	Penilaian potensi tapak dan lokasi
Jabatan Kejuruteraan	Penilaian kajian tanah, keperluan Struktur, Mekanikal & Elektrikal
Jabatan Lanskap	Penilaian keperluan lanskap
Unit Perolehan & UKur bahan	Penyediaan dokumen kontrak, Perlantikan perunding & kontraktor
Unit Perundangan	Penilaian Kontrak Lantikan dan Prosedur
OSC	Penyelaras Sokongan Teknikal
<b>Ahli Jawatankuasa sokongan</b>	
<b>Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal &amp; Kesihatan Persekutuan</b>	
<b>Jabatan Pengurusan</b>	
<b>Jabatan Perlesenan</b>	
<b>Unit Pesuruhjaya Bangunan</b>	
<b>Bahagian Teknologi Maklumat</b>	
<b>Unit Audit Dalam</b>	
<b>Cawangan Bandar Saujana Putra</b>	
<b>Jabatan Korporat Pembangunan Masyarakat</b>	


## Perancangan Carta Perbatuan




## Pelan Persempadanan Kota Seri Langat



# Pelan Kota Seri Langat



## Keluasan Tapak & Persempadan



## Keluasan Tapak

- ## • 10 Ekar

### Tapak bersempadan

- Kawasan Rekreasi
  - Terminal Pengangkutan Awam
  - Masjid
  - Kolam Tadahan
  - Tangki Air.
  - Kawasan perumahan


## Keadaan Topografi Tapak Cadangan



### Keadaan tapak:

Keadaan tapak sekarang adalah dipenuhi dengan tanaman kelapa sawit


## Jalan masuk & Infrastruktur sediaada



### Laluan Masuk ke Tapak Bangunan Baharu MPKL:

1. Laluan masuk sedia ada ke Pej.Tanah,Mahkamah Syariah,
2. Laluan Masuk Pasaraya Giant
3. Laluan Masuk Mahkota Industrial Park
4. Jalan Bukit Perah
5. Exit Lebuhraya (WCE) Taiping – Banting
6. Jalan masuk melalui Sungai Sedu

## Sumber Tenaga Elektrik & Air




Sumber Bekalan Tenaga Elektrik melalui Pencawang Pembahagi Utama (P.P.U) yang terdekat adalah :

- P.P.U 4 = 309 kaki (radius)
- P.P.U 5 = 392 kaki (radius)
- P.P.U 8 = 416 kaki (radius)

Sumber Bekalan Air yang terdekat adalah :

Tangki Air = 51 kaki (radius)  
& rumah pam yang terdekat ialah  
Rumah Pam 3 = 206 kaki (radius)


## Laluan discharge air



## Bangunan-bangunan pentadbiran kerajaan berdekatan



Mahkamah Syariah



Pejabat Daerah & Tanah

## Bangunan- bangunan kerajaan akan datang

Sek.Rendah, & Sek.Menengah


Pusat Komuniti/ Dewan

Klinik Kesihatan

Kompleks sukan

Balai Polis

Balai Bomba



## Pembangunan berdekatan (sedia ada)



Pasaraya Giant Banting



Tol Banting (Lebuhraya WCE)



Kilang Best Eternity



Kilang Gamuda IBS



Showa Denko Carbon

## Kelebihan tapak cadangan



Tapak Cadangan adalah berhampiran dengan tapak Terminal Pengangkutan Awam yang akan memudahkan pergerakan orang awam untuk datang berurus dengan pihak majlis

Kedudukan Tapak yang boleh diakses melalui Exit Lebuhraya Taiping – Banting menjadikan lokasi ini sangat strategik untuk mencerminkan Bangunan Majlis Perbandaran Kuala Langat sebagai salah satu mercu tanda di Banting

Kedudukan Tapak Cadangan yang berada di Kota Seri Langat menunjukkan Daerah Kuala Langat yang membangun dengan keharmonian susunan kepelbagaiannya zoning guna tanah dalam sebuah kota.

Kedudukan strategik bangunan pentadbiran MPKL yang menghubungkan antara Bandar-Bandar & Negeri-Negeri dengan lokasi yang berdekatan dengan Lebuhraya WCE.

## Status Pemilikan Tanah / Pewartaan

Jabatan Terlibat	Maklumbalas/ Ulasan
<b>Jabatan Perancangan Pembangunan</b>	<p>Pelan Pra Hitungan telah disahkan pada 24 Disember 2020</p> <p>Pemaju hendaklah menyerahkan pelan Pra-Hitungan kepada Pejabat Tanah untuk serah Balik &amp; berimilik semula tanah di bawah seksyen 197 &amp; 76 KTN</p>
<b>Jabatan Penilaian &amp; Pengurusan Harta</b>	<p>Pihak jabatan belum membuat pewartaan terhadap tanah rezab MPKL ini. Namun, Pewartaan telah dibuat bagi plot Kompleks Sukan pada 9 Disember 2020.</p> <p>Pihak jabatan akan membuat rundingan semula dengan Pejabat Tanah samaada tanah ini perlu dibuat Pewartaan atau tidak.</p>

## Fasa - fasa

### Fasa 1 : Pemilihan Cadangan Tapak & Tanah

Fasa ini merupakan langkah awal dalam proses sesebuah pembangunan. Beberapa kajian dan pemerhatian perlu dijalankan sebelum tapak/lokasi cadangan ditetapkan. Ini penting bagi memastikan pemilihan lokasi pembangunan adalah sesuai dan tepat selain mempunyai nilai "viability" yang tinggi.

Penerangan lokasi perlu jelas dan kajian berkaitan "viability of development" perlu dibuat sebelum membuat sebarang pembelian/ pengambilan/ penentuan tapak pembangunan.

Kajian fizikal kebolehan tapak perlu dilaksanakan sepanjang fasa ini. Kajian ini meliputi kebolehan tapak cadangan, kajian tanah, utiliti awam sedia ada dan pembangunan sekeliling sedia ada dan akan datang.

Selain itu, kajian berkaitan kos juga perlu dilaksanakan di mana setiap kos sama ada secara langsung atau tidak langsung perlu dikaji sebelum membuat penentuan lokasi.

## Fasa selanjutnya..

### Fasa 2:

Fasa ini merangkumi penilaian teliti dalam aspek seperti ekonomi dan permintaan, konsep pembangunan dan kewangan. Tiga Skop Kajian seperti di bawah hendaklah dijalankan.

#### Kajian Ekonomi dan Permintaan

Hasil kajian meliputi hasil pendapatan Majlis, perkembangan bilangan kakitangan, keperluan ruang ("gross floor area information") serta sasaran dan potensi pelanggan. Hasil kajian di peringkat ini akan menjadi rujukan penting semasa proses kajian dan penentuan rekabentuk konsep pembangunan.

#### Kajian Konsep Rekabentuk dan Pembangunan

Pemilihan konsep rekabentuk bangunan baharu majlis ini penting untuk dijadikan sebagai identiti dan ikon Kuala Langat. Selain itu penentuan rekabentuk fasiliti juga sangat penting agar cadangan pembangunan ini selari dengan keperluan fasiliti dan teknologi semasa.

Keperluan ruang lantai bangunan hendaklah dikaji dan diteliti bagi memenuhi kehendak bangunan yang mampu menampung jumlah kakitangan yang akan bertambah dari semasa ke semasa.

Bangunan yang direkabentuk hendaklah mempunyai satu konsep yang jelas. Sebagai contoh, konsep bangunan dalam taman atau "smart building" merupakan antara konsep popular untuk mewujudkan sebuah pembangunan yang lestari.

#### Kajian Fisibiliti Kewangan

Dalam proses ini, kajian berkaitan kos pra-pembangunan, anggaran kos pembangunan keseluruhan dan anggaran kos pengurusan serta penyelenggaraan bangunan perlu dinilai.

Kajian juga akan meliputi perkara-perkara berkaitan sumber kewangan, kaedah pembiayaan kewangan dan bayaran semula serta kaedah pengurusan kontrak dan tender pembinaan. Ini perlu untuk memastikan pembangunan ini adalah "Value for money" selain dapat meminimakan pembaziran kewangan sebaik mungkin.

## Fasa selanjutnya..

### Fasa 3:

#### **Rekabentuk , Perolehan dan Kelulusan Pihak Berkuausa**

Semasa fasa ini, lantikan pihak pasukan perunding akan dilaksanakan. Kaedah pemilihan perunding ini hendaklah melalui proses penilaian yang terperinci melalui kaedah perolehan sedia ada. Pemilihan perunding yang tepat dan agresif mampu menjamin kelancaran pembinaan bangunan ini.

Setelah lantikan dibuat, pihak perunding hendaklah membuat rekabentuk terperinci bangunan berdasarkan Keperluan Kehendak yang disediakan oleh Pihak Berkuausa. Penyediaan lukisan pembinaan dan kelulusan Pihak Berkuausa hendaklah diperoleh dalam tempoh yang ditetapkan.

### Fasa 4:

#### **Pembinaan & Pengurusan bangunan**

Fasa terakhir bagi merealisasikan pembinaan bangunan baru majlis ini adalah menerusi lantikan pihak kontraktor melalui kaedah perolehan kerajaan.

Semasa fasa ini, sepatutnya tiada lagi perkara berbangkit yang timbul samaada mengenai pemilihan tapak bina, konsep rekabentuk ataupun lain-lain isu kerana hal tersebut telah diselesaikan dalam fasa yang sebelumnya.

Carta perbatuan pembinaan bangunan hendaklah dibuat dan dipatuhi oleh semua perunding dan kontraktor. Pemantauan tegas oleh pihak perunding amat perlu pada fasa pembinaan ini. Semua keputusan dan isu tapak bina hendaklah dilaporkan kepada Majlis secara terperinci.



Sekian, Terima kasih

**LAMPIRAN B**

**BUTIR-BUTIR PROGRAM**

<b>Bil.</b>	<b>Program</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Tempat</b>
1.	Majlis Bacaan Surah Yassin dan Doa Selamat Sempena Ulang Tahun Pertama Pengisytiharan MPKL	9 September 2021 (Khamis)	9.00 pagi	Secara atas talian (Aplikasi Zoom)
2.	Ucapan dan Amanat Yang Dipertua MPKL Sempena Ulang Tahun Pertama Pengisytiharan MPKL	9 September 2021 (Khamis)	11.00 pagi	Secara atas talian (Siaran Langsung menerusi FB)
3.	Parkir Percuma di Seluruh Daerah Kuala Langat Sempena Ulang Tahun Pertama Pengisytiharan MPKL	9 Hingga 16 September 2021	8.00 pagi hingga 5.00 petang	Seluruh Daerah Kuala Langat
4.	Kempen Pengurangan Kompaun Tempat Letak Kereta Sempena Ulang Tahun Pertama Pengisytiharan MPKL	9 September 2021 Hingga 9 September 2022	-	Pejabat MPKL
5.	Persembahan Lagu Patriotik dan Tradisional Oleh Artis-Artis Tempatan Sempena Ulang Tahun Pertama Pengisytiharan MPKL Kerjasama bersama En. Naharanuar bin Ayob (MPP Zon 20)	16 September 2021 (Sabtu)	10.00 pagi	Secara atas talian (Live FB)
6.	"Virtual Run" Sempena Ulang Tahun Pertama Pengisytiharan MPKL & Sambutan Hari Malaysia 2021	9 hingga 18 September 2021	-	Secara atas talian

7.	Program Bakul Makanan MPKL Prihatin Kepada Penduduk Daerah Kuala Langat Yang Terjejas Akibat Pandemik Covid 19	9 Hingga 16 September 2021	-	Sekitar Kuala Langat
8.	Pemberian Cenderahati Kepada Pelanggan MPKL Yang Membuat Urusan Dan Pembayaran di Kaunter MPKL	9 September 2021 hingga 17 September 2021	8.00 pagi hingga 4.00 petang	Kaunter MPKL

#### ANGGARAN PERBELANJAAN

Bil	Perkara	Jumlah Kecil (RM)	Jumlah Besar (RM)
1.	Cenderahati kepada peserta <ul style="list-style-type: none"> <li>a) T-Shirt Peserta 'Virtual Run' RM25.00 x 1000 orang</li> <li>b) Medal Peserta 'Virtual Run' RM15.00 x 1000 orang</li> </ul>	25,000.00  15,000.00	40,000.00
2.	Cenderahati kepada pelanggan MPKL yang hadir membuat urusan dan pembayaran di kaunter MPKL <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Cenderahati RM15.00 x 500 unit</li> </ul>	7,500.00	7,500.00
3.	Cenderahati Kakitangan MPKL <ul style="list-style-type: none"> <li>a) <i>Lanyard &amp; Button Batch</i> MPKL RM30.00 x 500 unit</li> </ul>	15,000.00	15,000.00
4.	Program Bakul Makanan MPKL Prihatin <ul style="list-style-type: none"> <li>a) RM50.00 x 500 unit</li> </ul>	25,000.00	25,000.00

5.	Banner Publisiti a) Banner (4' x 12') RM 120.00 x 10 Unit	1,200.00	1,200.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>RM 88,700.00</b>

**SUMBER PERUNTUKAN**

Bil	Sumber Peruntukan	Jumlah (RM)
1.	Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat (M-21 000 DS 0000 – B42706 (Program Keraian)	88,700.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>88,700.00</b>